

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT
ECO GRANDEUR, LEBUHRAYA LATAR**

10 NOVEMBER 2025

Salutation (To be updated once all VIPs have confirmed their attendance)

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Bin Shari
Menteri Besar Selangor

Yang Berbahagia Dato' Seri Azman Bin Ibrahim
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad
Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Ir. Sazali Bin Harun
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Mohamed Raffe
Chekku
Pengarah Urusan Lebuhraya Kuala Lumpur
– Kuala Selangor

Yang Berusaha
Pengarah Urusan Eco World

Wakil-wakil Kementerian, Lembaga Lebuhraya Malaysia, agensi-agensi Kerajaan dan swasta, syarikat-syarikat konsesi, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI,

1. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor kerana sudi hadir bersama-sama untuk merasmikan pembukaan Persimpangan Bertingkat Eco Grandeur di Lebuhraya Kuala Lumpur Kuala Selangor yang lebih dikenali sebagai Lebuhraya LATAR. Hari ini, kita menyaksikan satu lagi detik penting dalam usaha memajukan jaringan infrastruktur negara melalui perasmian Persimpangan Bertingkat Eco Grandeur yang menghubungkan Lebuhraya LATAR dengan pembangunan bercampur oleh Eco World Sdn. Bhd. yang sangat ditunggu- tunggu oleh pengguna lebuhraya khususnya di sekitar pembangunan ini dan sekitar Puncak Alam, Ijok dan Kuala Selangor.
1. Lebuhraya Kuala Lumpur – Kuala Selangor (LATAR) yang menghubungkan Bandar Rawang ke Kuala Selangor, menawarkan laluan alternatif kepada Lebuhraya Utara-Selatan (LUS) dan menghubungkan bandar-bandar seperti Rawang, Shah Alam dan Kuala Selangor.
2. Persimpangan Bertingkat Eco Grandeur ini yang terletak di KM7.50 di antara Persimpangan Bertingkat Ijok dan Persimpangan Bertingkat Puncak Alam, Lebuhraya LATAR dilaksanakan oleh Eco World Sdn. Bhd. bagi mewujudkan akses baharu kepada pembangunan bercampur di Eco Business Park V dan Eco Grandeur, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.

3. Permohonan cadangan sambungan akses ini telah dimohon oleh Eco World dan mendapat kelulusan Kementerian Kerja Raya pada November 2022. Skop pembinaan ini yang diluluskan merangkumi persimpangan bertingkat, plaza tol dan kemudahan hentian sebelah di sebelah plaza tol. Persimpangan Bertingkat Eco Grandeur ini telah siap dibina dengan jajaran sepanjang kira-kira 3.0 kilometer.
4. Dengan adanya infrastruktur baharu ini, masa perjalanan daripada kawasan sekitar Eco Grandeur ke Kuala Lumpur atau ke Kuala Selangor menjadi lebih pantas, sekaligus menawarkan laluan alternatif yang amat diperlukan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan perumahan dan komersial sepanjang laluan sedia ada.

Hadirin yang dihormati,

5. Persimpangan ini merupakan akses baharu yang menghubungkan **Eco Business Park V** iaitu Kawasan Perindustrian berkeluasan 769 ekar dan **Eco Grandeur** yang merupakan Perbandaran Kediaman dan Komersial Berintegrasi seluas 1,400 ekar. Selain itu juga Persimpangan ini juga menghubungkan ke kawasan-kawasan sekitar seperti Puncak Alam, Ijok dan Kuala Selangor.
6. Di samping itu, jajaran baharu ini dapat menyuraikan trafik sedia ada yang sesak sekian lama terutamanya di sepanjang Jalan Meru Tambahan (JMT) dan Persiaran Mokhtar Dahari.

7. Plaza Tol Eco Grandeur menyediakan 10 lorong (masing-masing 5 lorong kedua-dua arah) setelah mengambilkira kapasiti kenderaan yang akan meningkat di mana jajaran baharu ini merupakan laluan alternatif ke Kuala Lumpur dan Kuala Selangor.

Tuan- tuan dan puan- puan yang dihormati,

8. Projek pembinaan persimpangan bertingkat ini bukan sekadar projek infrastruktur untuk pembangunan setempat, akan tetapi ia adalah simbol aspirasi negara menuju ke arah sebuah negara progresif selaras dengan aspirasi Membangun Malaysia MADANI – sebuah kerangka visi negara yang mengutamakan pembangunan mampan, kesejahteraan rakyat, dan perpaduan nasional. Di bawah kerangka Malaysia MADANI ini, kita tidak hanya membina lebuh raya untuk mempercepatkan perjalanan tetapi juga untuk menyatukan komuniti, merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar serta memperkasakan ekonomi setempat.
9. Saya percaya, selain menyuraikan trafik, pembukaan Persimpangan Bertingkat Eco Grandeur ini juga akan membawa manfaat sosio ekonomi yang besar sejajar pembukaan akses Kuala Lumpur ke Kuala Selangor, yang turut menawarkan aksesibiliti yang lebih meluas kepada pengguna dari Eco Business Park V dan Eco Grandeur kepada lain-lain rangkaian lebuh raya seperti Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE), Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) dan jajaran NKVE,

Lebuhraya Utara Selatan (LUS).

10. Selain itu, dengan adanya akses ini, ianya akan membuka peluang baharu kepada masyarakat di sepanjang koridor pantai barat ini. Saya dimaklumkan bahawa ramai pelabur-pelabur dari luar negara telah membina perniagaan mereka di Eco Bussiness Park V. Pastinya, jajaran baharu ini akan menjadikan lebih mudah diakses dan menjadikannya destinasi yang lebih menarik untuk pelabur datang ke sini serta merangsang sektor perindustrian secara lebih meluas.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

11. Saya juga berterima kasih kepada Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri seperti Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Peguam Negara (AGC), dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor yang turut sama menyumbangkan tenaga bagi memastikan kemudahan infrastruktur ini dapat direalisasikan.
12. Tentunya, saya juga ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh YAB Dato' Seri Amirudin atas kerjasama baik bersama Kementerian dalam memastikan pembangunan infrastruktur di negeri ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

Hadirin yang dihormati,

13. Sebelum mengakhiri ucapan, suka saya ingatkan kepada para

pengguna agar memanfaatkan kemudahan lebuhraya ini dengan sebaiknya, mematuhi peraturan jalan raya dan memastikan keselamatan diri dan keluarga serta pengguna lain semasa memandu di lebuhraya. Saya juga menyeru agar KKR, LLM dan semua konsesi lebuhraya terus memainkan peranan penting dalam memastikan perjalanan pengguna lebuhraya yang lebih cepat, selesa, dan selamat.

14. Semoga kemudahan yang disediakan pada hari ini, dapat membawa manfaat besar kepada rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.